Permohonan untuk membekalkan produk di bawah *Approved Products Purchase List* (APPL) 2017-2019 di bawah Perjanjian Konsesi Penswastaan Makmal Ubat Dan Stor Kementerian Kesihatan Malaysia

Notis ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai tarikh akhir penerimaan permohonan syarikat untuk membekalkan produk di bawah *Approved Products Purchase List* (APPL) 2017-2019 melalui Skim Anak Angkat (SAA) / Skim Panel Pembuat Bumiputera (SPPB), Perjanjian Konsesi Penswastaan Makmal Ubat Dan Stor Kementerian Kesihatan Malaysia.

Permohonan ini adalah dibuka kepada syarikat-syarikat yang memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:

- Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang 050199 atau 050299 atau 050399 (Pembuat);
- Bertaraf Bumiputera dan mempunyai Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera Kementerian Kewangan;
- Berdaftar dengan Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (*National Pharmaceutical Control Bureau*) bagi produk ubat;
- Berdaftar dengan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (*Medical Device Authority*) bagi produk peralatan perubatan, *consumables*, dan lain-lain produk bukan ubat yang berkaitan;
- Mempunyai lesen pengilang daripada Pihak Berkuasa berkaitan;
- Mempunyai lesen Pihak Berkuasa Tempatan; dan
- Mempunyai kilang yang sedang beroperasi di dalam negara.

Syarikat yang berminat hendaklah mengemukakan dokumen pengesahan bagi perkara di atas berserta senarai produk yang dipohon, profil syarikat dan keupayaan pengeluaran produk sebulan.

BUTIR-BUTIR PERMOHONAN	**TEMPAT PENGHANTARAN DOKUMEN PERMOHONAN**	**TARIKH TUTUP**
Permohonan untuk membekalkan produk di bawah *Approved Products Purchase List* (APPL) 2017-2019 melalui Skim Anak Angkat (SAA) / Skim Panel Pembuat Bumiputera (SPPB), Perjanjian Konsesi Penswastaan Makmal Ubat dan Stor Kementerian Kesihatan Malaysia	Setiausaha Bahagian Perolehan dan Penswastaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Aras 7, Blok E7, Kompleks E, 62590 Putrajaya. No. Telefon: 03-8883 3482 03-8883 3551 03-8883 3459	Tarikh : **31 Mac 2016 (Khamis)** Masa : **12.00 tengahari**

Permohonan lengkap hendaklah dikemukakan pada atau sebelum <u>31 Mac 2016 (Khamis), jam 12.00 tengahari</u>. Permohonan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak tertakluk untuk menerima setiap permohonan yang dikemukakan.

Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia